

## PTPTN: Lanjut 'tempoh bertenang'

**KUALA LUMPUR 30 Nov.** - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diminta memanjangkan 'tempoh bertenang' atau tempoh permulaan bayaran balik pinjaman yang ditetapkan antara enam bulan sehingga setahun selepas graduan menamatkan pengajian, untuk disesuaikan dengan status ekonomi peminjam.

Wakil UMNO Sabah, Jamawi Jaafar berkata, cadangan itu wajar dipertimbangkan kerana sebahagian besar peminjam belum mendapat pekerjaan dalam tempoh tersebut.

"Kita sedang berdepan keadaan ekonomi kurang memberangsangkan. Walaupun PTPTN memberi tempoh bertenang enam bulan hingga setahun, tetapi ramai dalam kalangan peminjam belum mendapat peluang pekerjaan

atau mengusahakan perniagaan dalam tempoh tersebut.

"Kita bukan sahaja meminta tempoh ini dipanjangkan, bahkan ada ruang kepada graduan

berbincang dengan PTPTN berhubung bayaran balik berseesuaian dengan status ekonomi mereka," katanya ketika menandatangani usul ucapan dasar Ketua Pemuda UMNO dalam Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO 2016 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Jamawi yang juga Ketua Penerangan Pemuda UMNO berkata, pergerakan itu kluatir dengan prestasi bayaran balik pinjaman PTPTN jika tiada usaha lebih berkesan diambil bagi menanganinya.

Katanya, langkah lebih mesra peminjam dapat memberi mereka lebih ruang untuk membuat bayaran semula agar tidak dikenakan tindakan.



**JAMAWI JAAFAR**



## **'PTPTN SENTIASA MEMBERI PELUANG KEPADA PEMINJAM'**

1. Saya dan PTPTN tentunya **menyambut baik apa juga cadangan termasuk kritikan membina dalam usaha memastikan PTPTN terus berkemampuan untuk melaksanakan tanggungjawabnya terutama ke arah usaha PTPTN menjadi pembiaya utama pendidikan dalam negara ini.** Saya juga **menyambut baik dan mengalu-alukan pandangan** termasuk yang disalurkan semasa Perhimpunan Agung UMNO yang sedang berlangsung sekarang. Pada saya pastinya apabila ramai yang memberikan pandangan mengenai PTPTN, ia membawa erti kita sama-sama inginkan yang terbaik, justeru itu kita menyambut baik sebarang cadangan.
2. Berhubung pandangan wakil Pemuda UMNO Sabah, saya ingin menyatakan bahawa berdasarkan kepada **polisi sedia ada, peminjam PTPTN hanya perlu membuat bayaran balik selepas enam (6) bulan tamat pengajian.** Tempoh tersebut diberikan kepada **peminjam untuk memberi peluang kepada mereka mencari pekerjaan dan mempunyai pendapatan sendiri.**
3. **Sekiranya tarikh bayaran balik pinjaman ini dilewatkan** iaitu bermula sehingga 3 hingga 5 tahun selepas peminjam menamatkan pengajian, ia sudah tentu **akan menjejaskan aliran tunai PTPTN** ekoran ketiadaan terimaan bayaran balik dalam tempoh yang panjang. Ini akan memberi **kesan kepada kelangsungan pemberian pinjaman pendidikan kepada pelajar baharu.** Selain itu, pemanjangan tempoh ini juga **boleh menyebabkan peminjam lupa akan tanggungjawab mereka untuk membuat bayaran balik pinjaman.**

4. Walau bagaimanapun, **PTPTN sentiasa prihatin terhadap peminjam yang mempunyai kekangan kewangan dan masih tidak mampu untuk membuat bayaran balik** mengikut jumlah ansuran bulanan dan jadual bayaran balik yang ditetapkan.
  
5. **PTPTN ada kaedah menyelesaikannya dengan syarat peminjam tampil berunding.** Memahami pelbagai situasi yang dihadapi oleh peminjam, **PTPTN sentiasa membuka ruang rundingan kepada semua peminjam yang mempunyai masalah** dalam membuat bayaran balik dan PTPTN yakin apa jua masalah dapat diselesaikan sekiranya melalui proses rundingan. PTPTN menyediakan pelbagai **kaedah penyelesaian kepada peminjam antaranya:**
  - i) membenarkan **penangguhan bayaran balik** sehingga 24 bulan (2 tahun) bagi peminjam yang masih belum bekerja; atau
  
  - ii) membenarkan peminjam membuat **penstrukturan semula pinjaman** mereka kepada jumlah ansuran bulanan berdasarkan kemampuan melalui pemanjangan tempoh bayaran balik sehingga umur 60 tahun.
  
6. PTPTN sentiasa mengalu-alukan peminjam untuk berunding mengenai sebarang masalah dalam membuat bayaran balik yang dihadapi dengan **menghubungi talian *Careline* PTPTN 03-2193 3000, menghubungi Eksekutif Pemasaran PTPTN atau hadir ke mana-mana cawangan PTPTN yang berdekatan di seluruh negara.** Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui portal rasmi PTPTN di [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

**YB Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah**  
**Pengerusi PTPTN**  
**2 Disember 2016**